



KENYATAAN MEDIA

URUSAN KENAIKAN PANGKAT PEGAWAI AWAM

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) mendapati bahawa berikutan berlakunya kes penjawat awam yang telah ditahan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), pihak-pihak tertentu telah mengutarakan pandangan masing-masing berhubung peraturan urusan kenaikan pangkat pegawai awam.

Bagi memperjelaskan perkara tersebut, Jabatan ini ingin memaklumkan bahawa urusan kenaikan pangkat bagi semua pegawai awam adalah tertakluk kepada peraturan yang ditetapkan di bawah Perintah Am Bab A 1973, Surat Edaran JPA 1984, Surat Edaran JPA 1997 dan Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005 [P.U.(A) 176/2005] yang diperjelaskan seterusnya melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2010 – Panduan Pengurusan Pemangkuhan dan Kenaikan Pangkat Dalam Perkhidmatan Awam.

Peraturan tersebut telah menetapkan bahawa pegawai-pegawai yang diperakukan kenaikan pangkat hendaklah memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

- (i) disahkan dalam perkhidmatan;**
- (ii) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;**
- (iii) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Ketua Perkhidmatan;**
- (iv) bebas daripada hukuman tatatertib;**
- (v) telah mengisytiharkan harta;**
- (vi) lulus tapisan keutuhan SPRM; dan**
- (vii) syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Lembaga.**

JPA dan jabatan-jabatan yang berkenaan telah memastikan syarat-syarat yang ditetapkan di atas dipenuhi termasuklah mengemukakan permohonan Tapisan Keutuhan kepada pihak SPRM setiap kali urusan kenaikan pangkat pegawai awam dilaksanakan.

Tapisan Keutuhan SPRM turut dibuat bagi urusan pelantikan/penempatan pegawai-pegawai kanan Perkhidmatan Awam termasuklah Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua Jabatan. Dalam hal ini, ingin ditegaskan bahawa semua penjawat awam adalah tertakluk kepada peraturan yang telah ditetapkan ini dan tiada yang terkecuali. Sekiranya pegawai yang dicadangkan untuk mengisi jawatan tertentu telah melepasi semua tapisan tersebut termasuk tapisan SPRM maka barulah urusan penempatan dan kenaikan pangkat pegawai dilaksanakan. Siasatan dan pertuduhan yang disabitkan pada bila-bila masa selepas

penempatan dan kenaikan pangkat tersebut tidak menghalang tindakan mengikut undang-undang yang berkuat kuasa diambil.

Sebagai langkah mengukuhkan integriti Perkhidmatan Awam, Jabatan ini sentiasa bekerjasama dengan pihak SPRM dan Jabatan Audit Negara dalam memastikan integriti penjawat awam terus dipantau dari semasa ke semasa.

Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia

Tarikh : 9 Januari 2017

Tel : 03-8885 3096 / 3830

Emel : komunikasi@jpa.gov.my